



**DR. Saiful Bahri Musa (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Hamzah Hassan selepas memeterai MoU berhubung kerjasama anjur Persidangan Buku Antarabangsa di Kuala Lumpur, semalam.**

## YPBN, Oxcell bekerjasama anjur Persidangan Buku Antarabangsa

KUALA LUMPUR 1 Ogos - Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) dan Pusat Kecemerlangan Oxford (Oxcell) Asia Pasifik hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dalam penganjuran Persidangan Buku Antarabangsa akan datang.

Pengerusi YPBN, Hassan Hamzah berkata, kerjasama itu bertujuan menyokong industri buku tempatan supaya menjadi lebih mapan termasuk meningkatkan potensi penulis muda di kawasan luar bandar.

Menurut beliau, antara inisiatif yang diambil menerusi kerjasama itu termasuk program Penulis Muda Luar Bandar (The Young Rural Writer's) bertujuan berkongsi penge-

tahuan dan kepakaran dengan komuniti belia luar bandar.

"Program ini menggunakan dan memanfaatkan sumber-sumber tempatan dan global sedia ada, kerjasama dalam penyebaran amalan penulisan yang baik dan bersama-sama menganjurkan seminar, bengkel serta acara mengukuhkan keupayaan belia luar bandar," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

YPBN dinaungi isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Oxcell, Dr. Saiful Bahri Musa berkata, program tersebut menyumbang secara langsung kepada pembangunan penulis luar bandar dan masyarakat sastera.